

**ANALISIS TAKMILAH NOVEL SARJANA BANGSA**  
Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, Khairatul Akmar Abd. Latif  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[redzaudin@kuis.edu.my](mailto:redzaudin@kuis.edu.my)

**ABSTRAK**

*Kajian ini meneliti novel Sarjana Bangsa (2016) karya Hasanuddin Md Isa berdasarkan perspektif teori takmilah. Kajian ini merungkai sejauh mana tujuh prinsip takmilah yang digagaskan Shafie Abu Bakar, iaitu (1) prinsip ketuhanan yang bersifat kamal (sempurna), (2) prinsip kerasulan sebagai insan kamil (sempurna), (3) prinsip keislaman yang bersifat yang bersifat akmal (sempurna), (4) prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takmilah (sempurna), (5) prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah (sempurna dan menyempurnakan), (6) prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri (menyempurnakan) dan (7) prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil (sempurna) diajukan pengarang dalam karyanya. Kajian ini memperlihatkan peri pentingnya hubungan karya-pengkarya-khalayak dalam menyampaikan perutusan yang bermanfaat kepada masyarakat demi kemaslahatan ummah jagat raya.*

**Kata kunci:** Sarjana Bangsa, Hasanuddin Md Isa, perspektif takmilah

**1. PENDAHULUAN**

Kajian ini ialah sebuah kajian kesusasteraan yang berasaskan kepada bentuk kajian kualitatif. Korpus kajian ini adalah diambil dari novel *Sarjana Bangsa* hasil nukilan sasterawan prolifik Hasanuddin Md Isa. Novel yang didasari penciptaannya oleh gagasan persuratan melayu baru ini dihasilkan pada tahun 2015. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana karya kreatif imiginatif ini menepati perspektif karya islamis menurut kacamata teori Takmilah.

**2. LATAR BELAKANG NOVEL**

Novel *Sarjana Bangsa* ialah sebuah karya kreatif imiginatif yang dihasilkan oleh Hasanuddin Md Isa. Novel setebal 329, dibahagikan kepada 25 bab bersama prolog di awal dan epilog diakhir ini sarat dengan wacana, perbincangan, fakta dan pemikiran yang bersifat keilmuan. Idea utama tentang negara bangsa cuba disampaikan oleh penulis lewat sarjana muda Muhammad Isyraf Eilmy dengan dibantu oleh figur utama novel Cikgu Hasan. Walaupun novel ini dipenuhi dengan perbincangan keilmuan namun jalinan plot penceritaan tetap berjaya digarap oleh penulisnya melalui watak utamanya Isyraf Eilmy dan Cikgu Hasan serta dibantu dengan watak lain seperti Prof Dr Saddiq, Nurlaily Lee, Papa Lee Kam Seng, Mak Esah, Mama Mei Fong dan lain-lain.

Novel yang mendapat tempat kedua dalam sayembara penulisan ITBM, PENA dan BH ini mula menemui khalayak pada tahun 2015. Dari temubual pengkaji bersama penulis, novel ini dihasilkan dengan menggunkan teori gagasan persuratan baru yang diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan. Persuratan Baru ialah satu teori penulisan yang menekankan beberapa perkara penting dalam berkarya. Perkara tersebut ialah (2011):

Pertama, mengutamakan ilmu, pemikiran dan kebijaksanaan.

Kedua, Persuratan Baru memakai gaya penulisan yang bercorak kesarjanaan, gaya ilmiah, tetapi indah. Gaya itu ilmiah kerana isinya bersifat ilmu, tetapi indah, kerana disampaikan dalam bentuk seni.

Ketiga, Persuratan Baru mengutamakan gagasan, membicarakan dengan mendalam gagasan dengan menggunakan watak-watak yang kuat, yang bermoral beragama, berilmu dan sebagainya.

Keempat, Persuratan Baru mengutamakan daya kreatif yang tinggi, terkawal dan beradab.

### 3. TEORI TAKMILAH

Teori Takmilah ialah sebuah teori sastera islami yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar sebagai alternatif kepada teori-teori sastera sedia ada yang diasaskan atau dipengaruhi oleh sarjana-sarjana barat. Teori ini melihat karya sastera melalui tujuh prinsip asas iaitu (abdul Halim Ali: 2014) :

Pertama, prinsip ketuhanan yang bersifat sempurna (kamal).

Kedua, prinsip kerasulan sebagai insan sempurna (kamil).

Ketiga, prinsip keislaman yang bersifat paling sempurna (akmal).

Keempat, prinsip ilmu dan sastra yang saling menyempurnakan (takamul).

Kelima, prinsip sastra yang berciri estetik dan bersifat ke arah kesempurnaan (takmilah).

Keenam, prinsip pengarang yang harus menyempurnakan diri (istikmal).

Ketujuh, prinsip khalayak (pembaca) ke arah insan sempurna (kamil).

### 4. NOVEL SARJANA BANGSA DAN TEORI TAKMILAH

Berdasarkan analisis novel *Sarjana Bangsa* ini ternyata bahawa karya ini menepati keenam-enam prinsip teori *Takmilah*, iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*, prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, prinsip Islam yang bersifat *Akmal*, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah*, prinsip pada pengkarya yang seharusnya *mengistikmalkan* diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil*.

Dalam novel *Sarjana Bangsa* ini pengkaji mendapati jalinan cerita yang disampaikan oleh penulis menepati prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Keseluruhan jalan cerita novel ini yang mengangkat teori gagasan persuratan baru yang diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan sesungguhnya padat dengan unsur-unsur ketuhanan yang kental dan bertujuan menggambarkan sifat Allah SWT yang Maha Sempurna.

Sifat Allah SWT yang Maha Sempurna ini diterjemahkan melalui unsur-unsur keindahan dan ketenangan bi'ah solehah yang digarap oleh penulis dalam novel tersebut. Ini kerana dengan keindahan ciptaan Allah SWT adalah melambangkan kesempurnaan-Nya.

Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Prinsip ini mengambil Rasulullah sebagai gagasan dalam teori ini. Oleh kerana Rasulullah merupakan model insan *Kamil* yang wajar dijadikan ikutan kepada seluruh umat manusia. Berdasarkan novel *Sarjana Bangsa* digambarkan melalui watak Dr. Isyraf Eilmy dan Cikgu Hasan yang ditonjolkan memiliki ciri-ciri akhlak yang digariskan di dalam Islam.

Novel ini juga menerapkan prinsip Islam yang bersifat *Akmal* dengan menerapkan nilai-nilai hidup yang berlandaskan al-Quran dan as-sunnah di dalam kehidupan Cikgu Hassan dan Dr Isyraf Eilmy. Cikgu Hassan digambarkan sebagai seorang yang kuat beribadat dan banyak membaca dan mempunyai pengetahuan yang cukup luas tentang agama Islam. Ketokohnya itu diwariskan pula kepada anaknya Dr Eisyraf Eilmy

seorang sarjana muda yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang luas tentang ekonomi, politik dan pemerintahan, pendidikan dan sosio budaya malahan beliau juga seorang yang petah berhujah dan bijak juga dalam berkata-kata.

Berdasarkan penelitian pengkaji juga ternyata novel ini menepati prinsip teori *Takmilah* iaitu prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah*. Novel ini merupakan sebuah novel yang mengandungi bukan sahaja nilai-nilai keIslaman yang cukup berkesan untuk memberi kesedaran kepada pembaca dalam menyempurnakan akidahnya sebagai seorang khalifah Allah di muka bumi ini malah novel ini juga sarat dengan ilmu pengetahuan tentang agama Islam dan kajian masa kini terhadapnya. Penulis juga menggunakan gaya bahasa yang indah dan menarik. Penggunaan bahasa yang menarik ini memperlihatkan kesempurnaan dan keindahan yang ada pada karya. Justeru, novel ini telah mencapai tahap *Takmilah* kerana ia telah menonjolkan keindahan bukan sahaja dari segi maknawi tetapi juga lahiriah.

Selain itu, prinsip hubungan *Takmilah* dengan pengkarya yang *mengistimalkan* diri dalam *Sarjana Bangsa* jelas mencerminkan keimanan penulis terhadap Allah SWT. Karya ini terhasil bertitik tolak berdasarkan hati seorang hamba yang akur dan taat kepada perintah Yang Maha Kuasa. Ini kerana tanpa ilmu agama yang lengkap seperti ilmu tasawuf, ilmu tauhid, ilmu fikah dan sebagainya mustahil penulis dapat menghasilkan sebuah novel yang amat baik seperti ini.

Penulis menggambarkan dengan jelas kesyumulan dan kebesaran agama Islam dengan menerapkan di dalam keseluruhan aspek kehidupan keluarga Cikgu Hasan. Melalui gambaran dan jalan cerita ini jelas penulis mengajak manusia ke arah kebaikan dengan mengerjakan amalan-amalan yang baik untuk dijadikan bekalan menuju ke alam barzakh. Khalayak mendapat iktibar dan panduan melalui pembacaan terhadap novel ini. Justeru, ia menepati prinsip hubungan *Takmilah* dengan khalayak pembaca memupuk ke arah insan *Kamil*.

Secara keseluruhannya, keenam-enam prinsip tersebut telah dijadikan asas oleh pengkaji dalam menganalisis novel *Sarjana Bangsa* yang dihasilkan oleh Hasanuddin Md Isa (2015). Pengkaji mendapati penulis berjaya menghasilkan karya yang bertunjangkan tauhid sepertimana yang digagaskan dalam teori *Takmilah*. Novel ini juga mempunyai unsur pendidikan, dakwah dengan menanamkan nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan, jihad dan penentangan terhadap kemungkaran dan ketidakadilan. Dengan penerapan unsur-unsur keIslaman tersebut dapat membimbing dan memandu pembaca menjalani kehidupan sebagai seorang muslim yang *Kamil*.

## 5. RUJUKAN

- Abdul Halim Ali (2014), *Teori Takmilah: Perluasan & Penafsiran*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.  
Hasannudin Md Isa (2015), *Sarjana Bangsa*. Institut Terjemahan Buku Malaysia, Kuala Lumpur.

## Laman Web

- Mohd Affandi Hassan. (2011). Gagasan Persuratan Baru: *Konsep Wacana Dalam Persuratan Baru*. Laman sesawang: [pbaru.blogspot.com/2011/10/konsep-wacana-dalam-Persuratan-baru\\_15.html](http://pbaru.blogspot.com/2011/10/konsep-wacana-dalam-Persuratan-baru_15.html). Diakses pada 15 Julai 2017.

Rohayati Junaidi. (t.t). *Ketakmilahan Watak dalam Novel Baldatun Thoyyibatun Warabbun Ghafuur*. Laman sesawang:  
[https://www.academia.edu/27425623/Ketakmilahan\\_Watak\\_dalam\\_Novel\\_Baldatun\\_Thoyyibatun\\_Warabbun\\_Ghafuur.doc\\_Teori\\_Takmilah\\_](https://www.academia.edu/27425623/Ketakmilahan_Watak_dalam_Novel_Baldatun_Thoyyibatun_Warabbun_Ghafuur.doc_Teori_Takmilah_). Diakses pada 15  
Julai 2017.

### **Temuramah**

Temuramah pengkaji dengan Encik Hasanuddin Md Isa iaitu pengarang buku *Sarjana Bangsa*. Pada 22 April 2017.